

Pengganti saya akan teruskan dasar - PM

UM 16 NOV 1993

Oleh
MOHD. ZAINI HASSAN

KUALA LUMPUR 15 Nov. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa bakal penggantinya akan tetap meneruskan dasar kerajaan sebagaimana yang dilaksanakan sekarang dan sebelumnya.

Kata beliau, mungkin dari segi gaya kepimpinan (bakal penggantinya) ia berlainan, tetapi tidak pada dasar negara.

"Saya melahirkan keyakinan ini berdasarkan ucapan-ucapannya selaras dengan apa yang kami (kerajaan sekarang) percaya dan apa yang saya percaya," katanya di hadapan lebih 500 pelabur dan wakil syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa dalam sesi soal jawab selepas merasmi-

kan persidangan perdagangan dan peluang pelaburan bertajuk "*Malaysia: Kuasa Ekonomi Dekad 90-an*" di sini hari ini.

Di antara soalan yang diajukan kepada beliau ialah apakah bakal penggantinya akan dapat meneruskan dasar-dasar negara sebagaimana yang digariskan oleh Dr. Mahathir.

[Lagi berita di muka 11]

Seorang peserta juga bertanya adakah beliau (Perdana Menteri) berpuas hati bahawa penggantinya kelak akan berupaya dalam meneruskan dasar-dasarnya untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

Para pelabur mengemukakan soalan tersebut ekoran peralihan pucuk pimpinan di dalam UMNO di mana kesemua tiga jawatan Naib Presiden te-

■ Lihat muka 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Pengganti saya akan teruskan dasar — PM

B.M. 16 NOV 1978

lah dimenangi oleh muka-muka baru dan jawatan Timbalan Presiden pula diambil alih oleh Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim setelah penyangdang jawatan, Encik Ghafar Baba menarik diri.

Persidangan antarabangsa dua hari itu dianjurkan oleh *The International Herald Tribune* dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Industri Malaysia (MIDA) dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS).

Dr. Mahathir yang diajukan tidak kurang daripada 13 soalan dalam sesi soal jawab itu berkata, penerusan dasar yang telah ada sekarang amat penting bagi memastikan kestabilan negara, terutamanya daripada segi kemajuan dan kemantapan ekonomi terpelihara menjelang tahun 2020 atau selepasnya.

"Para pemimpin mungkin akan berubah, tetapi tidak pada dasar negara.

"Sebagai satu pasukan dalam kerajaan, sudah pasti pemimpin akan bertukar, tetapi pertukaran yang biasa berlaku di Malaysia tidak menyebabkan berlakunya perubahan pada dasar negara secara radikal, itulah yang berlaku sejak zaman Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan saya sendiri," tegasnya.

Tambah Perdana Menteri lagi, sebenarnya bukan beliau seorang sahaja yang boleh menjamin kestabilan negara ini, tetapi melibatkan jemaah menteri yang lain juga.

"Ini adalah kerana kita kerja dalam satu pasukan, kecualilah jika sesuatu yang tragik atau kemusnahan berlaku, saya fikir kerajaan yang ada ini akan terus berkuasa untuk beberapa ketika lagi.

"Kita telah merancang kerajaan ini akan kekal sehinggalah ke tahun 2020..." katanya.

Beliau menjelaskan, kerajaan sungguh sensitif dengan perasaan rakyatnya terhadap sebarang perubahan mengenai dasarnya, kerana telah menjadi amalan jika kerajaan mahu melakukan sesuatu, ia akan 'menjujukan' idea itu terlebih dahulu kepada rakyat sebelum melaksanakannya.

Dan kerana itulah, katanya pemerintahan yang ada sekarang stabil dan kekal.

Katanya, beliau tidak bimbang, kerana setelah berakhirnya kepimpinan beliau sekalipun, tidak ada banyak perubahan akan berlaku.

"Dan saya boleh memberi jaminan bahawa anda boleh meneruskan pelaburan di negara ini selepas saya meninggalkan kerajaan atau telah tiada, kerana akan ada orang yang sama seperti sekarang mengambil alih pucuk pimpinan kerajaan dengan meneruskan dasar-dasar yang telah ada," jelas beliau.

Tambah Dr. Mahathir lagi, daripada cakap-cakap mengenai gaya kepimpinan, bakal penggantinya juga nampaknya sama seperti beliau.

Menjawab satu soalan lain mengenai hubungan dengan Filipina, beliau berkata, pada dasarnya hubungan kedua-dua buah kerajaan adalah baik, terutamanya dalam aspek perdagangan.

Katanya, soal mengenai tuntutan Filipina terhadap Sabah tidak berbangkit lagi di antara kerajaan.

Cuma yang membangkitkan mengenai isu itu, jelas beliau, hanyalah daripada kumpulan-kumpulan bukan kerajaan di negara tersebut.

Mengenai soal industri sektor pendidikan di negara ini, beliau berkata, Malaysia memang berhasrat untuk menajadi negara pengeksport sektor pendidikan.

Bagaimanapun, katanya sebelum ia terjadi beberapa perkara yang melibatkan kerehah pentadbiran perlu dibereskan terlebih dahulu.

Esok, Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka mengadakan sesi soal jawab yang sama dengan para peserta persidangan itu.